

Madrasah Aljunied Singapura meraikan dif-dif dari Persekutuan Tanah Melayu

Baharu-baharu ini, Yang Berhormat Sayyid ‘Ali Sa‘id, Kuasa Usaha Kedutaan Republik Arab Bersatu di Persekutuan Tanah Melayu, telah melawat Madrasah Aljunied Al-Islamiah Singapura – sebuah sekolah menengah Islam yang telah didirikan semenjak 33 tahun lalu.


Beliau bersama-sama dengan Profesor Doktor ‘Abdul al-Ra‘ūf – Pengetua Kolej Islam Malaya dan Profesor Muhammad Taqiyuddin Kandil (guru di Kolej Islam Malaya) telah dialu-alukan oleh guru-guru dan murid-murid dengan nasyid beramai-ramai dan ucapan selamat datang dari seorang penuntut.

Dif-dif yang dihormati itu telah dibawa melawat bilik-bilik darjah dan bilik kutubkhanah. Mereka telah memberi ucapan dan menulis sepatah dua kata di buku catitan ziarah madrasah. Di antara catitan Yang Berhormat Tuan Sayyid ‘Ali Sa‘id berbunyi:


“ Saya berbesar hati dapat menyaksikan dan mendapati suatu kemajuan yang besar dalam usaha mengembangkan ilmu agama Islam yang suci oleh madrasah ini, sebagaimana saya berasa sangat takjub di atas kelancaran penuntut-penuntutnya di dalam menuturkan bahasa Arab dengan baik ”

Dalam ucapannya beliau menyatakan, bahawa beliau bersedia menyampaikan kepada kerajaannya sebarang permintaan pelajar-pelajar Islam di negeri ini untuk mendapat kemudahan melanjutkan pelajaran mereka di Republik Arab Bersatu (Mesir dan Syiria)

Gambar atas: Dif-dif yang diraikan bersama-sama dengan *faḍilah al-ustādh* al-Sayyid ‘Abdullāh bil faqīh (Mudir Madrasah aljunied) dan guru-guru yang lain.



Gambar atas: Dif-dif sedang melawat bilik darjah. Pengenalan dari kanan: Yang Berhormat Sayyid ‘Ali Sa‘d, Profesor Taqi al-din Kandil, Dr ‘Abdu al-Ra’uf, al-Ustādh al-Sayyid ‘Abdullāh bil faqīh dan al-Ustādh Ahmad Şonhaji.



Guru-guru dan penuntut-penuntut tinggi Madrasah alJunied, bergambar ramai kerana saudara Zain al-‘Ābidin bin Haji Long, (duduk nombor 4 dari kanan) yang telah belayar ke Mesir untuk melanjutkan pelajarannya